

D297

U B929 BAH

MUSA - MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 18 APRIL (BERNAMA) -- TIMBALAN PRESIDEN UMNO, DATUK MUSA HITAM BERTERIMA KASIH KEPADA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD EKORAN PENGUMUMAN PERDANA MENTERI BAHAWA TEMUJANJI TIDAK PERLU BAGINYA MENEMUI PERDANA MENTERI.

SUNGGUHPUN DATUK MUSA BERASA SUKACITA, BELIAU MASIH PERLU Mencari masa yang sesuai untuk menemui Datuk Seri Dr Mahathir kerana jadual Datuk Seri yang ketat.

+SEMALAM, KATANYA TIDAK PAYAH MEMBUAT TEMUJANJI TETAPI HARI INI BELIAU BERADA DI LABUAN,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MESYUARAT JAWATANKUASA UMNO BAHAGIAN SEGAMAT DI KEDIAMANNYA DI SINI PETANG INI.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, DIA SEDANG CUBA MENDAPATKAN RUANG WAKTU YANG SESUAI UNTUK PERTEMUAN ITU MELALUI PEMBANTU KEPADA PERDANA MENTERI.

MENGENAI PERJUMPAAN ITU, KATANYA, IA AKAN HANYA MERUPAKAN PERTEMUAN BIASA SEORANG TIMBALAN PRESIDEN PARTI DENGAN PRESIDENNYA.

APABILA DITANYA MENGENAI FUNGSINYA KINI SEBAGAI TIMBALAN PRESIDEN PARTI, BELIAU BERKATA BAHAWA IA BERLANDASKAN PERLEMBAGAAN PARTI YANG MENETAPKAN BAHAWA FUNGSI TIMBALAN PRESIDEN IALAH MEMBANTU PRESIDEN MENJALANKAN TUGASNYA SEBAGAI PRESIDEN. -- LAGI

2117MST 18 04 86

D298

U B930 BAH

MUSA - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI KHABAR ANGIN KONONNYA BELIAU AKAN BERTANDING MENENTANG DATUK SERI DR MAHATHIR MEREKUT JAWATAN PRESIDEN PADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO TAHUN DEPAN, BELIAU BERKATA BAHAWA MASA TERLALU AWAL UNTUK MENENTUKANNYA DAN BELIAU MENEGASKAN YANG TUMPUAN PERLU DIBERIKAN TERHADAP PILIHAN RAYA.

BELIAU JUGA BERKATA, KEPUTUSAN SAMA ADA AKAN BERTANDING PADA PILIHAN RAYA KELAK ATAUPUN SEBALIKNYA BERGANTUNG KEPADA PARTI.

BAGAIMANAPUN, TEGASNYA, BELIAU AKAN TERUS BERKEMPEN UNTUK BARISAN NASIONAL SEPERTI YANG DIJANJIKANNYA KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR SEBELUM MENGALAMI +MASALAH+ SEBULAN-DUA YANG LEPAS.

BELIAU JUGA MENGULAS KENYATAAN SETIAUSAHA AGUNG UMNO, DATUK SERI SANUSI JUNID SEMALAM YANG MAHUKAN PETUALANG DALAM PARTI DITENTANG.

KATANYA, BELIAU BERSETUJU DENGAN KENYATAAN ITU DAN MENGANGGAP IA BERTEPATAN DENGAN MASANYA. BAGAIMANAPUN, TEGASNYA, MASALAHNYA SEKARANG IALAH UNTUK MENEGENALPASTI PETUALANG-PETUALANG ITU. -- LAGI

2119MST 18 04 86

D301

U B932 BAH

MUSA - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

+ADA ORANG BERKATA SAYA BUKAN ORANGNYA TETAPI SESETENGAH YANG LAIN BERKATA SAYA SEBAGAI PETUALANG ITU, JADI SAMA-SAMALAH KITA Mencari dengan sabar siapa sebenarnya Petualang itu,+ TAMBAHNYA.

MENGENAI MESYUARAT UMNO BAHAGIANNYA HARI INI, BELIAU BERPUAS HATI KERANA BAHAGIAN ITU TELAH MELAKSANAKAN ARAHAN IBU PEJABAT DAN IA KINI BERSEDIA UNTUK MENGHADAPI PILIHAN RAYA.

DATUK MUSA JUGA MENJELASKAN BAHAWA BELIAU TELAH DILANTIK SEBAGAI PENGARAH PILIHAN RAYA KAWASAN PARLIMEN SEGAMAT. -- BERNAMA

2124MST 18 04 86